

# Kesusasteraan: Antara Bentuk dan Makna \*

*Annaliza Bakri*

## Pendahuluan

Dalam bidang kesusasteraan Melayu, terdapat unsur ‘mitos’ yang dilaungkan sebagai standard estetika. Ini menjadikan karya sastera itu terikat pada sesuatu struktur ataupun bentuk yang tertentu untuk mencapai tahap estetika, lantas dapat dianggap memperoleh unsur keindahan yang seringkali diperdebatkan dalam menentukan karya sastera yang unggul. Namun demikian, unsur keindahan itu perlu diperjelaskan dengan lebih tuntas. Apakah kriteria serta kayu ukur bagi menempatkan karya sastera itu sebagai karya sastera yang indah?

Dalam kesibukan memperdebatkan isu bentuk yang standard agar karya sastera itu dapat dianggap indah, aspek makna telah dipinggirkan. Pertama sekali, perlu difikir ulang fungsi karya sastera yang dihasilkan. Sastera boleh dianggap sebagai medan peperangan beberapa kelompok pemikiran di mana akan berlaku persaingan idea. Sebagai contoh, sastera itu merupakan wadah di mana penulis mengekspresikan pendapat serta kritiknya terhadap isu kepentingan politik, ketidakseimbangan ekonomi dan gejala sosial yang tidak menerima perhatian kelompok yang bertanggungjawab.

Oleh itu, yang dipermasalahkan di sini adalah standard bentuk ataupun format yang terlalu dititikberatkan dalam penghasilan sastera sehingga makna yang terungkap dalam karya sastera tidak lagi menjadi kriteria keindahan ataupun mempunyai nilai estetika. Namun demikian, sastera itu merupakan cermin kehidupan. Apabila makna tidak lagi diambil kira ataupun dianggap penting

---

\* Artikel ini merupakan renungan dari Pidato Umum berjudul ‘Sastera Indonesia Period Reformasi’ yang disampaikan oleh sasterawan Indonesia, Seno Gumira Ajidharma sempena *Festival Hak Asasi Manusia (FaHAM)* 2009, anjuran Oxygen Media dan Southeast Asian Muslims Network for Freedom and Enlightenment (Seamus), dan berlangsung di Dewan Perhimpunan Cina Selangor, Kuala Lumpur, 13 November 2009.

dalam sesebuah karya sastera, maka ia menjadi ‘kematian’ kerana hanya bentuk yang diberi penekanan. Makna itu dengan sendirinya akan hilang jika sesebuah karya itu terlalu terikat pada bentuk yang dianggap standard. Sekali lagi, konsep standard ini merupakan ‘mitos’ dalam dunia kesusasteraan.

### *Struktur*

Kecenderungan untuk memberikan fokus yang keterlaluan pada unsur bentuk ini akan menghambat perkembangan sastera dalam masyarakat. Pertama sekali, bentuk standard dilihat dari segi struktur teknikal. Sebagai contoh, jika bentuk yang dianggap standard dalam penulisan puisi adalah bentuk yang dikenali sebagai a-b-a-b, ia akan menghalang daya kreativiti serta imaginasi penulis. Kebebasan bentuk tidak harus dilihat sebagai mencemarkan tahap serta kualiti karya sastera yang dihasilkan. Walau bagaimanapun, perlu diperjelaskan bahawa tidak ada sebarang masalah untuk mengikut bentuk puisi yang sedemikian. Akan tetapi, bentuk itu tidak boleh dijadikan satu-satunya kriteria sebelum karya sastera itu boleh dianggap sebagai puisi yang bermutu dan jempul.

### *Tema*

Kedua, bentuk yang standard juga boleh dilihat dari pemilihan tema dalam karya sastera. Sebagai contoh, karya sastera yang dianggap indah adalah jenis yang mengetengahkan persoalan cinta. Lantas, yang membanjiri dunia kesusasteraan dalam masyarakat itu hanya berkisar akan tema cinta, sama ada cinta tiga segi, hubungan cinta ataupun cinta terhadap sesuatu seperti yang bersifat ketuhanan. Begitu juga dengan karya sastera yang dikatakan sebagai ‘sastera Islam’ sebagai bentuk sastera yang paling estetika kerana mengetengahkan hal-hal ketuhanan atau spiritual. Adakah karya sastera yang membincangkan masalah universal seperti kemiskinan dianggap kurang bersifat Islami dan lantas, tidak mempunyai standard dan tidak berestetika? Adakah karya yang mengetengahkan sesuatu kepedulian ataupun mendiagnosis masalah yang berlaku dalam masyarakat tidak akan tersenarai dalam karya sastera yang dianggap indah? Ini boleh dilihat sebagai masalah prioritas di mana unsur estetika yang menjurus kepada bentuk yang standard diberi keutamaan tanpa mempertimbangkan aspek-aspek lain yang sama pentingnya.

Dengan standard yang ditetapkan oleh kelompok tertentu, akan berlaku kesenyapan tema-tema beragam yang berkemungkinan besar akan memamatkan bidang kesusasteraan itu sendiri kerana tidak lagi kedengaran pengungkapan isu-isu sebenar yang lebih konkrit serta perlu ditangani dan diketengahkan kepada masyarakat. Ini juga boleh dilihat sebagai mendomestikasikan bidang kesusasteraan kerana temanya hanya berkisar berkenaan perkara-perkara yang dianggap standard dan indah. Di sini, penulis karya sastera perlu memikirkan tentang konsep keberanian moral, keberanian intelektual dan kesedaran kritis sewaktu menulis supaya karya yang dihasilkan itu benar-benar mencerminkan masyarakat dan tidak cenderung untuk menghasilkan karya yang dipanggil 'sastera popular'. Harus disedari bahawa sastera mencakupi segala aspek kehidupan manusia.

### *Penggunaan Kata*

Ketiga, bentuk yang dianggap standard juga diukur dari segi penggunaan kata-kata. Bahasa adalah kenderaan bagi sastera tetapi ianya tidak bermakna hanya karya sastera di mana penggunaan bahasanya gramatis, tepat imbuhan serta lengkap sintaksisnya dianggap sebagai karya yang standard. Di lain pihak pula, jikalau penggunaan kata-kata tidak membawa sebarang pengertian atau hanya bersifat bunyi sahaja, ianya juga tidak boleh dianggap sebagai standard. Tambahan pula, penting untuk menangkis tanggapan bahawa karya sastera yang indah adalah jenis yang menggunakan bahasa yang berbunga semata-mata walaupun makna yang terungkap tidak mengkedepankan dan menampung wacana kritis dan gerakan pemikiran kritis, tidak bersifat intelektual dan tidak bertanggungjawab terhadap lingkungan sosialnya. Makna karya sastera itu juga harus mendukung pemberdayaan dan memupuk konsep harapan (*hope*) serta memperkasakan bahasa itu sendiri.

### **Rumusan**

Oleh itu, akan hilang makna kata jika terlalu terikat pada bentuk kerana akan timbul masalah di mana kesetiaan atau keimanan dalam kesusasteraan hanya pada bentuk sahaja dan bukan pada maknanya. Salah satu keindahan sastera adalah kebebasan untuk mendapak makna yang berbeza dalam setiap penghayatan. Keindahan itu tidaklah bergantung kepada bentuk yang diterapkan oleh penulis dan tema yang dipilih tetapi penghayatan makna yang membolehkan pembaca merenung kembali dan mengupas secara kritis persoalan manusia serta bertindak secara progresif di dalam

lingkungannya. Makna karya itu seharusnya bersifat emansipatoris kerana luahan ataupun ekspresi karya tersebut seharusnya membuka ruang imaginasi sosial dan membolehkan bahasa yang memungkinkan (*language of possibilities*).

Standard itu merupakan persepsi golongan yang dominan. Lantas, perlunya wujud negosiasi dalam bidang kesusasteraan kerana sastera amat dipengaruhi oleh lingkungan sosial dan peralihan zaman. Ini adalah penting kerana akan muncul suatu masa di mana ‘selera masyarakat’ dalam bidang kesusasteraan akan turun dan menjejaskan nilai sastera masyarakat itu. Tidak ragu lagi, sastera menggambarkan ideal serta nilai-nilai yang dipegang oleh sesebuah masyarakat itu. Dalam erti kata lain, sastera mencerminkan kebudayaan masyarakat itu. Oleh demikian, para sasterawan memerlukan kepekaan dan daya observasi yang tajam untuk menghasilkan karya sastera yang bermutu. Sastera yang dianggap baik seharusnya dapat merentasi perubahan zaman serta membolehkan pembaca untuk berhubung kait dengan keadaan hidupnya. Apa yang dianggap standard harus dipersetujui dan dikupas secara kritis dan mendalam, serta tidak menyekat kebebasan (yang bersifat bertanggungjawab) dalam berkarya dan mengekspresikan pandangan melalui bidang kesusasteraan sehingga melahirkan karya yang utuh dan indah kebenarannya.

\*\*\*\*\*